

Perpaduan Melayu: Pas tolak usaha Umno

BH 26 DEC 2000

Keadilan menyambut
baik langkah
yang dicadangkan
oleh Presiden
Umno Datuk Seri
Dr Mahathir Mohamad

**Oleh Ahmad Zaini
Kamaruzzaman, Zulkofli
Jamaludin, Wan Esuriyanti
Wan Ahmad, Johari Ibrahim
dan Azman Mahmood**

ALOR STAR, Isnin - Pas menolak sebarang usaha oleh Umno untuk membincangkan kaedah sesuai bagi menyatupadukan semula orang Melayu yang dikatakan berpecah, manakala Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menyambut baik langkah itu.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor sebaliknya berkata, parti itu hanya bersedia berbuat demikian jika Umno dan kerajaan mahu berbincang perkara yang berkaitan dengan perpaduan rakyat dan negara secara keseluruhan.

Katanya, bagi Pas perbincangan untuk menyatupadukan semula orang Melayu tidak timbul sama sekali kerana yang berpecah adalah orang Melayu dalam Umno, tanpa membabitkan Pas atau Keadilan.

Beliau mendakwa, perpecahan yang dikatakan berlaku sekarang adalah apabila ahli dan penyokong Umno meninggalkan parti itu untuk menyertai Pas atau Keadilan berikutan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1998.

Fadzil juga mendakwa Melayu dalam pakatan pembangkang tidak berpecah, sebaliknya masa depan politik Melayu dan Islam akan tetap terjamin serta terpelihara di bawah barisan alternatif.

"Umno tidak boleh menyatakan perpecahan orang Melayu apabila ahlinya meninggalkan parti itu dan menyertai pembangkang. Justeru, saya katakan bahawa orang Melayu tidak berpecah, sebaliknya hanya Umno yang berpecah," katanya kepada *Berita Harian* ketika ditemui di rumahnya, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang menyatakan kesediaan Umno memulakan inisiatif perbincangan dengan Pas dan Keadilan berhubung perpaduan orang Melayu jika keadaan mengizinkan.

LIHAT MUKA 2

Perbincangan perlu ikhlas

DARI MUKA 1

UM 26 DEC 2000

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata pada masa ini usaha itu tidak perlu kerana perpecahan bukan berpunca daripada Umno, sebaliknya dimulakan pihak lain.

Diminta menjelaskan format perbincangan yang sedia disertai Pas. Fadzil berkata ia mesti tidak mengandungi sentimen perkauman, sebaliknya yang mempunyai kepentingan negara secara keseluruhan.

"Skop perbincangan bukan setakat kepentingan orang Melayu saja, sebaliknya untuk kepentingan negara secara keseluruhan.

"Asas perbincangan pula perlu ada keikhlasan, supaya ia tidak dilihat un-

tuk kepentingan satu kaum saja. Jika ini berlaku, ia akan jejas perpaduan rakyat apabila kaum lain bincang untuk kepentingan mereka pula," katanya.

Ditanya sama ada Pas akan memulakan inisiatif perbincangan berdasar format yang dicadangkan itu, Fadzil berkata Pas tidak ada cadangan memulakannya tetapi bersedia menyertainya jika dimulakan oleh kerajaan.

Katanya, ini kerana beberapa cadangan seumpama itu sebelum ini tidak mendapat maklum balas positif daripada kerajaan, termasuk mengenai keselamatan negara selepas kejadian merampas senjata oleh kumpu-

lan Al-Ma'unah, baru-baru ini.

Sementara itu, Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menyambut baik sebarang usaha oleh Umno untuk mengadakan perbincangan bagi memperkukuhkan perpaduan orang Melayu.

Bagaimanapun, beliau melahirkan rasa terkejut dengan kenyataan Dr Mahathir itu kerana selama ini parti pembangkang dituduh mencetuskan perpecahan di kalangan orang Melayu.

"Sekarang ini mereka nak berbincang pula. Sepatutnya kita bukan saja membincangkan masalah orang Melayu, tetapi inte-

grasi nasional," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, hari ini.

Beliau berkata, Keadilan sentiasa membuka pintu kepada mana-mana pihak untuk mengadakan rundingan asalkan tujuannya baik untuk perpaduan rakyat negara ini.

Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat, Mahfuz Omar, pula menyifatkan kesediaan Umno untuk berbincang dengan Pas dan Keadilan mengenai hak kaum Melayu sebagai 'sandiwarra terbaru' parti itu.

"Umno hanya menggunakan isu Suqiu untuk mengembalikan sokongan orang Melayu kepadanya," katanya sambil menambah Pas dan Keadilan tidak

wajar melayan isu itu.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, berkata rundingan berkenaan boleh membuka lembaran baru dalam budaya politik iaitu semua pihak mengutamakan kepentingan negara melebihi kepentingan parti.

Sehubungan itu, katanya, pemimpin Pas dan Keadilan perlu memberi reaksi positif terhadap kenyataan Perdana Menteri.

"Soal perpaduan orang Melayu sangat penting kerana ia membabitkan rakyat majoriti di negara ini dan sebarang perpecahan akan membawa kesan besar terhadap negara keseluruhannya," katanya.